

# **PENDIDIKAN KENEGARAAN MALAYSIA DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI: SATU TINJAUAN SOROTAN LITERATUR TERHADAP KEPENTINGAN ELEMEN KURIKULUM PATRIOTISME DAN NASIONALISME DALAM KALANGAN GENERASI Y <sup>1</sup>**

## ***MALAYSIAN STATEHOOD EDUCATION IN HIGHER LEARNING INSTITUTIONS: AN OBSERVATION OF LITERATURE REVIEW TOWARDS THE IMPORTANCE OF PATRIOTISM AND NASIONALISM ELEMENT AMONG Y GENERATION***

**Rohani Hj. Ab Ghani<sup>1</sup>**  
**Zulhilmi Paidi Zul**  
**Ahmad Shukri Abdul Hamid**  
**Fahainis Mohd Yusof**  
**Nor Azlah Sham Rambely**  
**Mohamed Ali Haniffa**

<sup>1</sup> Email: rag1162@uum.edu.my

**Accepted date:** 31-10-2017

**Published date:** 11-03-2019

**To cite this document:** Ghani, R. H. A., Zul, Z. P., Hamid, A. S. A., Yusof, F. M., Rambely, N. A. S., & Haniffa, M. A. (2019). Pendidikan Kenegaraan Malaysia di Institusi Pendidikan Tinggi: Satu Tinjauan Sorotan Literatur Terhadap Kepentingan Elemen Kurikulum Patriotisme dan Nasionalisme dalam Kalangan Generasi Y. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 09-20.

---

**Abstrak:** Institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan pembekal tenaga sumber manusia profesional sesuai dengan keperluan negara. Pelajar-pelajar IPT majoritinya terdiri daripada Generasi Y didedahkan dengan kurikulum yang berbentuk teori dan praktikal sesuai dengan keperluan bidang kerjaya mereka nanti. Dalam pada itu juga, kurikulum di IPT turut digubal dengan mengambil kira kepentingan untuk membentuk para pelajar yang mempunyai kefahaman yang tinggi tentang negara. Ia juga bertujuan untuk memupuk nilai patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan mereka sesuai dengan matlamat pendidikan yang selari dengan *Malaysian Education Blueprint*. Oleh yang demikian, semua universiti di Malaysia diwajibkan untuk menawarkan subjek atau kursus yang berbentuk pembinaan bangsa dan kenegaraan.

---

<sup>1</sup> Kerja kerja ini sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS bertajuk “*Malaysian Nationhood Framework (MYIN): Towards Sustainable Nationhood Education for Generation Y at Higher Educations*”, Kod S/O 13221.

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada penelitian mengenai kurikulum di IPT yang berkait dengan kursus-kursus yang sedemikian. Objektif utama penyelidikan adalah untuk membina untuk Rangka Kerja Kenegaraan Malaysia yang juga akan dikenali sebagai MY1N. Tumpuan kertas kerja tertumpu kepada idea-idea asas yang diperolehi daripada pandangan pengkaji-pengkaji sebelum ini mengenai isu-isu yang berkait dengan nilai-nilai kenegaraan dan pembinaan bangsa dalam kurikulum pendidikan di negara kita. Kertas kerja ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggabungkan beberapa kaedah pengumpulan data termasuk temubual dan kajian perpustakaan. Hasil pandangan pengkaji terdahulu dan tokoh-tokoh yang ditemubual mendapati subjek-subjek tersebut merupakan sesuatu yang *vital* dalam sistem pendidikan peringkat tinggi. Selain dari itu ia juga perlu diperkemaskan dengan menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang terkini. Ini kerana kaedah sedemikian lebih menarik minat dan menjadi pilihan Generasi Y dan akan menentukan keberkesanannya dalam meningkatkan perasaan kenegaraan dan kebangsaan dalam kalangan mereka.

**Kata Kunci:** Institusi Pengajian Tinggi, Generasi Y, *Malaysian Education Blueprint*, Pendidikan Kenegaraan, Kurikulum dan Patriotisme

**Abstract:** *Higher learning institution is a professional human resource provider that aligns with the country's needs. Most of the students at higher learning institution are Y Generation that are exposed with theory and practical based curriculum that matches their career needs. At the same time, curriculum at higher learning needs to be reviewed in order to have high level of understanding about the country. It also aims to instil patriotism dan nasionalism values among them which relevant with the educational aims of Malaysian Education Blueprint. Because of that, all the universities in Malaysia are compulsory to offer the course or subject that is towards nation building. This paper is part of the research that investigates curriculum at the universities that related to the mentioned courses above. The main objective of this research is to develop a Malaysia Nationhood Education (MY1N) Framework. This paper focuses on the basic ideas came from the experts who are involved and discussed about issues that related in nation building Malaysian education curriculum. This paper uses qualitative approaches which are interviews and library search for gathering data. From the experts' views, it was found that the subjects are vital in hogher education system. The subject shoud be equipped with the latest teaching and learning approaches. This will attract Y Generation more in fostering the feeling of nationhood effectively.*

**Keywords:** *Higher Learning Institution, Y Generation, Nationhood Education and Curriculum and Patriotism*

---

## **Pengenalan**

Data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang berasaskan kepada Indikator Pengajian Tinggi Malaysia 2013 merekodkan kemasukan para pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah seramai 273,209, manakala enrolmen mereka seramai 1,156,293 dan jumlah pelajar yang bergraduasi pada tahun 2013 adalah kira-kira 273,893 orang ([http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/Indikator\\_Pengajian\\_Tinggi\\_Malaysia\\_2013.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/Indikator_Pengajian_Tinggi_Malaysia_2013.pdf)). Jumlah ini menunjukkan bahawa generasi Y iaitu pelajar-pelajar IPT merupakan sumber tenaga profesional utama negara. Dari sudut sumber manusia (human resource) mereka merupakan landasan utama kepada sumber tenaga kerja baik profesional mahupun bukan profesional yang sangat penting dalam tempoh sekurang-kurangnya setengah dekad dari sekarang. Dalam pada itu juga, sesebuah negara maju yang berjaya perlu menghasilkan kumpulan tenaga kerja yang

mempunyai pakej yang lengkap iaitu memiliki kemahiran yang tinggi di samping memiliki nilai rasa yang positif terhadap negara dan bangsa mereka.

Dalam usaha untuk memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme pelajar, IPT di Malaysia diwajibkan untuk menyediakan kursus-kursus teras yang merupakan kursus wajib bagi pelajar-pelajar mereka. Bagi kebanyakan IPT, kursus-kursus yang berbentuk pembinaan negara (*nation-building*) merupakan kursus wajib universiti yang diletakkan di bawah komponen kursus teras universiti. Ia bertujuan untuk memastikan para pelajar mendapat mengetahui dan memahami fakta-fakta mengenai sejarah dan perkembangan negara Malaysia. Matlamat akhir adalah bagi melahirkan graduan yang matang, berilmu dan mempunyai semangat patriotisme dan nasionalisme yang tinggi.

Dalam pada kurikulum dan silibus kursus yang berkait dengan matlamat pembinaan negara-bangsa, apakah sebenarnya yang difahami oleh generasi muda Malaysia (Generasi Y) tentang negara-bangsa itu sendiri. Kajian ini akan cuba meneliti pandangan mereka mengenai negara-bangsa Malaysia yang bakal terbentuk. Apakah perspektif mereka tentang masyarakat Malaysia pada masa hadapan dan bagaimana mereka menambahkan minat terhadap subjek atau kursus Kenegaraan Malaysia? Persoalan ini yang menjadi fokus perbincangan bagi kertas kerja ini di samping mendapatkan pandangan mengenai kepentingan unsur-unsur patriotisme dan nasionalisme dalam kurikulum sistem pendidikan tinggi negara kita.

## **Terma-Terma Rujukan**

### ***Generasi Y***

Gen Y ataupun *Y Generation* juga dikenali sebagai Millennial Generation. Menurut Lancaster dan Stillman (2000), setiap generasi mempunyai personaliti mereka sendiri. Sementara itu, Tapscott. Dalam bukunya "Grown Up Digital (1998), menyatakan bahawa, setiap generasi telah different kepercayaan, nilai, budaya, perspektif, minat, kemahiran dan sifat personaliti yang berbeza terhadap kehidupan dan bekerja. Berdasarkan kajian empirikal, Generasi Y yang dikenal pasti sebagai satu kumpulan individu yang sentiasa tertanya-tanya tentang sesuatu. belia hari ini ingin tahu, mereka mahu fakta, mereka mahu data keras, dan yang paling penting mereka mahu kebenaran.

Berasaskan kecenderungan yang dimiliki oleh generasi yang unik ini, perlu satu pendekatan yang sangat menarik untuk pendidikan tinggi. Bagi mereka, kolej tidak lagi sekadar tempat untuk pergi untuk melanjutkan pengetahuan sahaja malah lebih dari itu. Mereka merupakan kumpulan yang mengasosiasi diri mereka dengan gaya terkini hip, sejuk, dan sering memilih imej yang bertentangan dengan golongan establishment.

Dari sudut komunikasi, bentuk berstruktur dan pasif serta komunikasi tradisional tidak berfungsi dengan baik dengan generasi ini. Mereka lebih memilih untuk mengalami perkara-perkara yang berbentuk pengalaman diri mereka sendiri dan memikirkan jawapan dan bukan diberitahu. Mereka hendak kebebasan untuk memilih dan lakukan, yang mereka ingini. Apabila berkomunikasi dengan Generasi Y, memerlukan suasana yang lebih praktikal, nyata, relevan dan memberi tumpuan kepada mewujudkan hubungan (Goldgehn, 2004).

Bagi para pengkaji jurang generasi, Generasi Y dipanggil *Digital Natives* dan bukannya *Digital Immigrant*. Mereka adalah generasi pertama yang telah menghabiskan keseluruhan hidup mereka dalam persekitaran digital. Teknologi maklumat meninggalkan kesan mendalam

terhadap mereka dan sangat mempengaruhi rutin harian dan cara bekerja. Generasi Y kini secara aktif menyumbang kepada pemilikan saham dan bekerja dengan menggunakan platform media sosial. Mereka kini merupakan pengurus perkhidmatan dan penyelidik yang dalam penggunaan media sosial. Generasi Y mungkin menjadi petanda bagaimana manusia bertindak dalam kehidupan mereka pada masa akan datang (Bolton, et.al, 2013). Hasilnya kini, mereka merupakan usahawan muda yang meneroka bidang perniagaan secara atas talian. Selain dari itu golongan ini begitu inovatif dalam mencuba ciptaan baru berasaskan eksperimen yang diperolehi daripada internet.

### ***Institusi Pendidikan Tinggi***

Institusi pengajian tinggi secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai peringkat pendidikan atau pengajian lepas menengah atas. Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, pendidikan tinggi ialah pendidikan di peringkat lepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lepas peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Menurut laporan Khir Johari (1967; <http://sarjana.tripod.com/jamin1.html>, 2017) pendidikan tinggi ialah "pelajaran ikhtisas dan akademik", yang sekurang-kurangnya berkehendakkan kelayakan akademik Sijil Tinggi Persekolahan atau yang setaraf dengannya untuk masuk ke yayasan di peringkat universiti dan sijil pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya di peringkat maktab". Laporan tersebut juga menyatakan bahawa institusi pendidikan tinggi ialah universiti, maktab teknik, maktab pertanian, maktab perguruan dan Institusi Teknologi Mara. Universiti menawarkan kursus peringkat lepas ijazah, ijazah dan diploma sementara maktab, institut dan kolej menawarkan kursus pada peringkat diploma dan sijil. Takrifan ini meliputi bidang pengkhususan pelajaran, sama ada dari segi akademik ataupun dari segi vokasional. Dari segi akademik, pendidikan tinggi seperti di universiti mengadakan pelajaran yang amat khusus, luas dan mendalam dalam berbagai-bagai cabang disiplin. Dari segi vokasional, pelajaran teori dan amali adalah khusus dan mendalam untuk menyediakan kemahiran kerja sumber manusia pada peringkat ikhtisas dan separuh ikhtisas bagi sektor swasta dan kerajaan.

Pengajian di IPT agak bersifat elitis kerana peluang ini lebih bersifat meritokrasi dan khusus untuk sebilangan kecil pelajar yang mempunyai kelayakan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM) dan Sijil Tinggi Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Sebilangan kecil pelajar yang terpilih itu merupakan mereka yang ada kualiti, yang elit atau yang terbaik dalam pelajaran. Mereka yang elit ini mempunyai kemampuan yang tinggi dari aspek intelek dan kemahiran fizik untuk menanggung cabaran yang "rigorous" bagi berjaya dalam pendidikan tinggi. Mereka yang elit ini di didik dan dilatih untuk menjadi para sarjana, teknokrat dan birokrat bagi memimpin dan mentadbir golongan "proletariat" dalam masyarakat. Mengikut fahaman egalitarian pula, pendidikan tinggi tidak seharusnya menjadi amat memilih lalu menguntungkan dan mengangkat darjat sebilangan kecil ahli masyarakat yang elit. Fahaman ini adalah berlandaskan tanggapan bahawa institusi pendidikan tinggi yang diwujudkan oleh masyarakat keseluruhannya harus membuka pintu mereka seluas-luasnya kepada sesiapa yang berkemampuan untuk mengalami pembelajaran dalam pendidikan tinggi. Sungguhpun fahaman egalitarian yang menekankan prinsip demokrasi mengambil kira aspek hak dan keutamaan, namun ia boleh mewujudkan kadar keciciran dan pembaziran yang tinggi pada peringkat pendidikan tinggi.

Dari segi matlamat tujuan pendidikan di IPT, menurut Laporan Khir Johari (1967) (<http://sarjana.tripod.com/jamin1.html>, 2017), menjelaskan bahawa tujuan utama pendidikan tinggi ialah untuk melahirkan para sarjanawan dan ilmuan yang mahir berfikir dan mengembangkan ilmu dalam berbagai-bagai disiplin ilmu. Selain daripada itu, dari aspek

profesionalnya pendidikan tinggi adalah untuk melahirkan golongan teknokrat bagi melaksanakan rancangan pembangunan negara dan golongan birokrat bagi mentadbir organisasi dan masyarakat. Secara umum, pendidikan tinggi mempunyai dimensi pendidikan dan dimensi latihan. Dimensi pendidikan bertujuan untuk mengembangkan aspek intelek, rohani, emosi, pekerti, budaya, dan jasmani etika individu pada tahap maksimum dan tertinggi agar individu bukan sahaja menjadi manusia seimbang tetapi juga dapat membuat adaptasi yang sewajarnya terhadap pengaruh perkembangan masa kini. Dimensi latihan pula menyentuh peranan pendidikan tinggi dari segi pengeluaran dan perkhidmatannya terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat dalam mana universiti dan institusi-institusi yang lain menjadi sebahagian daripada ahlinya.

### ***Pendidikan Kenegaraan***

Kenegaraan Malaysia merupakan subjek yang ditawarkan di IPT berbentuk *nation building*. Kursus Kenegaraan Malaysia yang diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi adalah sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan warga negara yang baik serta memiliki ciri-ciri yang boleh diterima oleh masyarakat sarwajagat. Antara elemen utama yang diberikan penekanan penting ialah nilai mempercayai dan mematuhi tuhan. Ini telah dijadikan sebagai salah satu tonggak yang utama. Di samping itu untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, bersahsiah tinggi dan bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara. Pada akhirnya, pelajar-pelajar adalah diharapkan menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat yang mempunyai nilai tanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara (Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU), 30 Ogos 2013: 1).

Oleh yang demikian, kursus ini digubal bagi membolehkan melahirkan pelajar yang memahami sosiobudaya masyarakat, proses pembinaan negara dan struktur politik di Malaysia serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kursus ini juga digarap bagi memberi tumpuan mengenai sejarah dan politik, perlembagaan Malaysia, kemasyarakatan dan perpaduan, pembangunan negara dan isu-isu keprihatinan negara. Objektif mata pelajaran ini adalah bertujuan melahirkan pelajar yang memahami sosiobudaya masyarakat, proses pembinaan negara dan struktur politik di Malaysia serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa (Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU), 30 Ogos 2013: 18).

### **Sorotan Literatur**

Pendidikan merupakan agenda paling utama dalam pembangunan Malaysia. Ia juga instrumen sebahagian besar dan pembangunan modal insan fizikal. Tidak dapat tidak, selepas 60 tahun mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan negara kita telah berjaya menyumbang kepada pembangunan. Walau bagaimanapun, dari segi modal insan, adakah sistem pendidikan Malaysia telah berjaya melahirkan modal insan yang mempunyai pakej lengkap yang termasuk berkemahiran tinggi, intelektual cemerlang dan mempunyai semangat yang kuat terhadap negara mereka. Sebaliknya, adakah mereka benar-benar memahami dan menghayati matlamat perpaduan bagi mewujudkan satu bangsa satu negara iaitu bangsa Malaysia menjelang tahun 2020 nanti.

Dalam konteks falsafah pendidikan negara, Kementerian Pelajaran akan terus menggunakan visi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu pendidikan seimbang sebagai asas untuk aspirasi setiap murid. Prasekolah, sekolah rendah, menengah, dan lebih tinggi sistem pendidikan berkongsi visi hasil daripada pendidikan Malaysia perlu kelihatan seperti, dan apa yang bermakna untuk pelajar secara individu. Kementerian menekankan keseimbangan antara

kedua-dua pengetahuan dan kemahiran (ilmu) serta etika dan moral (akhlak). Aspirasi pelajar dalam MEB yang dibina di sekitar enam sifat-sifat utama: etika dan kerohanian, kemahiran kepimpinan, identiti nasional, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan. Ini adalah sama enam sifat untuk pelajar bahawa sistem pendidikan yang lebih tinggi berlandaskan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi, 2015).

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengakui bahawa sistem ini akan perlu untuk mengekalkan berkembang untuk mengikut perkembangan dengan, jika tidak di hadapan, trend global. Sebagai contoh, teknologi terkini seperti robotik maju, Internet Perkara, dan automasi pengetahuan kerja dijangka secara mendadak membentuk semula perniagaan dan landskap sosial daripada yang ada hari ini. Menyediakan belia Malaysia untuk berkembang maju di masa depan yang kompleks dan sentiasa berubah ini akan memerlukan transformasi sama asas bagaimana sistem pengajian tinggi dan institusi pengajian tinggi (HLI) kini beroperasi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi, 2015).

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Institusi Pengajian Tinggi), negara kita telah mencapai kadar yang kasar yang lebih tinggi pendidikan enrolmen 48% pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan 70% enrolmen sepanjang dekad yang lalu untuk mencapai 1.2 juta pelajar di awam dan swasta HLI terdiri daripada universiti awam, politeknik, kolej komuniti, universiti swasta, kolej universiti swasta dan kolej swasta. Antara tahun 1990 dan 2010, terdapat peningkatan enam kali ganda enrolmen ijazah Sarjana Muda.

Nombor ini termasuk hampir keseluruhan pelajar di awal 20-an ke 30-an yang merupakan kumpulan Generasi Y. Ia adalah sejajar dengan jumlah penduduk Malaysia yang menunjukkan bilangan kategori remaja dianggarkan menyumbang hampir separuh daripada jumlah penduduk di negara ini, yang berjumlah hampir lebih dari 10 juta orang atau 40.0% pada tahun 2010. Jumlah ini membuatkan ramai belia yang terlibat dalam proses pembangunan menghadapi lebih banyak cabaran berbanding beberapa dekad yang lalu. Setiap tahun, kerajaan akan memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk menjalankan dan menyiapkan usaha-usaha pembangunan belia di negara ini. Salah satu daripada banyak cabaran adalah untuk menyediakan satu pendekatan pendidikan yang selaras dengan pemikiran dan watak kumpulan utama dalam arus perdana sistem pendidikan tinggi negara iaitu Generasi Y.

Mengapakah subjek yang berbentuk pembinaan bangsa penting bagi Gen Y?

Sebagai kumpulan yang bertanggungjawab bagi meneruskan kesinambungan warisan negara, Generasi Y harus mempunyai perasaan yang lebih mendalam nasionalisme dan patriotisme terhadap country. Perkara ini ditegaskan oleh (Covan, 2000) yang menyatakan bahawa sifat anak-anak muda dalam sesebuah negara perlu dibentuk berdasarkan perasaan, sikap dan sikap positif dan perbuatan seseorang untuk negaranya. Elemen tersebut merupakan intipati kepada perasaan patriotik dan nasionalistik mereka. Melewati ungkapan yang terkenal oleh JF Keneddy, "Jangan tanya apa yang negara berikan kepada anda, tetapi tanya apa yang anda boleh berbakti kepada negara" adalah sangat tepat dengan aspirasi negara kepada Generasi Y. Namun demikian, dalam pada ramai yang membincangkan nilai-nilai positif perasaan patriotik dan nasionalistik, sebaliknya berpendapat bahawa jika ia tidak diurus dengan baik, perkara ini akan juga menjadi salah satu faktor yang merosakkan nilai-nilai kemanusiaan. Ini kerana patriotisme juga mampu membentuk elemen nilai-nilai yang sempit, inklusif, mewujudkan identiti dan kecenderungan untuk mengaitkan diri kita rakan-rakan ahli kumpulan, iri hati

membentuk dan membina sesuatu yang eksklusif untuk kumpulan sahaja, mencari musuh di luar untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar (Doob, 1986).

Dalam konteks Malaysia ia dapat dilakukan dengan cara menanamkan semangat cintakan kepada negara dan menganggap kita sebagai bangsa Malaysia dan bukan merujuk kepada etnik secara khusus. Menurut Hankins & Covan (2000) juga Parker & Gibbon (2010), langkah inilah yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ke atas rakyatnya. Bagi untuk menanamkan semangat partiotik bangsa Amerika, tidak ada bangsa sama ada bangsa Latin, German, Celtic, Slavic, Arya atau Caucasian di negara tersebut yang boleh menganggap bangsa mereka yang terbaik. Ia bertujuan untuk mengelakkan golongan *chauvanis* mendakwa bangsanya yang paling tulen dan lebih hebat. Menurut Hankins & Covan (2000) dan juga Parker & Gibbon (2010) lagi, agama dan bahasa tidak ada kena mengena dengan negara-bangsa. Ini kerana di beberapa buah negara yang menggunakan pelbagai bahasa mengikut etnik tetapi tetap menjadi rakyat yang setia kepada negara yang didiami. Contohnya negara Bulgaria dan Switzerland yang masing-masing mempunyai dua dan tiga bahasa rasmi, tetapi masih mempunyai rakyat yang setia pada negaranya.

Bagi Malaysia pula, dalam usaha untuk menanamkan semangat patriotisme, idea dan gagasan negara bangsa perlu diperkukuhkan. Menurut Wan Mohd Nor (2011), semangat gagasan negara bangsa iaitu 1Malaysia bukanlah idea baru malah ia sudah lama terungkap. Hal ini dapat dikesan dalam lagu kebangsaan iaitu Lagu Negaraku yang mengandungi ungkapan: *Rakyat Hidup, Bersatu dan Maju*. Begitu juga cita-cita perpaduan kebangsaan (*national unity*) dan dasar-dasar bagi mencapainya digubal dan dilaksanakan melalui sistem pendidikan seperti yang dapat dilihat pada Laporan Razak dan Rahman Talib, melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan, pembentukan parti Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, pengenalan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan ini, Gen Y perlu didedahkan dengan falsafah, latar belakang dan objektif sebenar falsafah kebangsaan ini. Langkah ini penting berikutan dengan ancaman-ancaman globalisasi yang membawa masuk pelbagai idea dan pemikiran dari luar yang tidak terbatas. Gagasan ini juga sangat strategik kerana perkembangan-perkembangan politik dan ekonomi dalaman yang tidak terpisah dari perkembangan luaran yang boleh menimbulkan suasana yang boleh meruntuhkan adab terhadap agama, bangsa dan negara. Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat pembinaan bangsa Malaysia melalui gagasan 1Malaysia, maka beberapa langkah yang positif hendaklah dilakukan oleh kerajaan. Antaranya, mewujudkan gerakan penguasaan bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa asing, menghapuskan pemisahan pendidikan agama dengan pendidikan moral, mewujudkan sekolah berasrama 1Malaysia, menggerakkan peranan IPT awam dan swasta, mempergiatkan sikap terbuka pemimpin kerajaan terhadap golongan sarjana, siri wacana perdana 1Malaysia, memperingati ilmuan dan sarjana pelbagai bidang dan sebagainya (Wan Mohd Nor (2011). Tidak lupa juga pemahaman generasi muda terhadap perkara ini perlu digembeling dengan baik dan berkesan.

Sebagaimana yang sering diperkatakan oleh para pengkaji sejarah pembinaan negara dan bangsa Malaysia, masalah perpaduan bangsa dan rakyat di Malaysia telah lama disedari oleh oleh semua pihak. Bagi pihak kerajaan, ia telahpun mengambil tindakan konkrit dan serta melakukan perubahan dasar untuk mengatasi masalah perkauman demi mencapai perpaduan nasional. Misalnya, kerajaan menubuhkan Majlis Perundingan Negara untuk membincangkan soal-soal sensitif setelah berlakunya rusuhan kaum 13 Mei 1969, melaksanakan dengan lebih tegas dasar perlaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pelajaran nasional, mewujudkan

sebuah ideologi kebangsaan iaitu Rukun Negara, membuat beberapa pindaan Perlembagaan untuk memperkukuhkan peruntukan-peruntukan berhubung dengan perkara-perkara sensitive dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, setakat ini Malaysia masih belum dapat membentuk sebuah negara bangsa. Ia disebabkan oleh faktor sejarah penjajahan, kepelbagaian sukubangsa, Bahasa, dialek, adat-adat dan agama, perbezaan politik dan ideologi inter dan intra kaum (Kassim Ahmad, 1986). Sebenarnya input tentang perkara-perkara ini semakin tidak diketahui oleh Gen Y Malaysia hari ini.

Mengapa patriotisme dan nasionalisme di kalangan Gen Y yang bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh negara-negara di dunia itu penting? Menurut Ku Hasnita Haizam Samsu & Mohd Nor (2009), negara memerlukan generasi yang mempunyai semangat patriotik dan mereka adalah pelindung sebenar atau benteng keselamatan negara daripada sebarang ancaman sama ada ia adalah serangan tentera atau ancaman siber dalam era globalisme ini.

Sesuai dengan matlamat ini, semua IPT di Malaysia diwajibkan menawarkan kursus-kursus yang berbentuk pembinaan bangsa (*nation-building*). Hasilnya, kursus-kursus tersebut ditawarkan mengikut kesesuaian kurikulum IPT di Malaysia dengan nama kursus yang berbeza seperti Kenegaraan Malaysia, Pengajian Malaysia, Politik dan Masyarakat Malaysia, Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan berbagai lagi. Bagi kursus Hubungan Etnik dan Pengajian Islam, kedua-dua kursus yang berbentuk *top-down* dan perlu mengikuti modul yang didiakan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam masa yang sama, kerajaan juga telah menetapkan kursus Pengajian Malaysia menjadi keperluan untuk pelajar-pelajar antarabangsa di IPT bagi memperkenalkan Malaysia kepada mereka.

Selain dari Malaysia, beberapa negara seperti Indonesia juga mempunyai subjek wajib lulus di universiti mereka iaitu Pendidikan Kewiraan. Manakala Taiwan, Britain dan Amerika Syarikat turut menawarkan subjek yang berbentuk *nation-building* yang sebahagiannya berteraskan kepada sejarah negara mereka. Ia bertujuan untuk membentuk pelajar-pelajar mereka menjadi warganegara yang baik dan mengamalkan sikap-sikap yang murni sebagai seorang warganegara. Subjek *American History* yang menjadi subjek wajib di negara tersebut sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan subjek sejarah yang diajar di negara Malaysia yang meliputi malah menaikkan semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan mahasiswa mahasisiwi di Malaysia.

Antara kursus yang berbentuk *nation-building* yang terdapat di IPTA negara kita ialah Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang merupakan matapelajaran wajib ke atas semua pelajar universiti awam sejak tahun 1998 (Osman Bakar, 2012). Namun di IPT swasta, ianya baru sahaja diperkenalkan bermula tahun 2013. Kursus ini membincangkan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, interaksi antara pelbagai tamadun Melayu, Cina dan India, Islam dalam Tamadun Melayu, Isu-isu kontemporari Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Islam Hadhari dan proses pembangunan negara. Tamadun Islam diperkenalkan di semua IPTA/S bagi melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuankan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya kebolehdapatan kerja. Selain daripada itu, Rancangan Kementerian Pendidikan untuk menjadikan TITAS sebagai subjek wajib di IPTS perlu dianggap sebagai langkah yang positif dalam memberi peluang orang bukan Islam di Malaysia mempelajari tentang agama Islam. Ini kerana Tamadun Islam adalah cerminan kepada pelaksanaan agama Islam dalam konteks masyarakat dan negara.



Pemahaman rakyat bukan Islam tentang Islam mampu memelihara keharmonian antara agama di negara Malaysia ini malahan, Tamadun Islam juga membantu rakyat memahami bagaimana Malaysia dibentuk di mana Islam memainkan peranan yang besar dalam menggubal perlembagaan dan undang-undang. Ini mengelakkan rakyat kita terpesona dengan bagaimana Barat membina negara mereka di mana agama diletakkan di bawah negara atau sekurangnya-kurangnya agama tidak dilibatkan dalam urusan negara. (Mohammad Syazwannuddin Shahrudin, 2017). Tambahan lagi, Datuk Muhyiddin berkata "*Kita sudah mulakan (subjek Titas) di peringkat IPTA sekian lama dan ia tidak menjadi apa-apa isu walaupun yang mengikuti subjek ini juga terdiri daripada pelajar-pelajar yang bukan Islam,*" ([www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my), 2017). Menurut Timbalan Perdana Menteri lagi, subjek Titas akan meningkatkan pemahaman terhadap tamadun yang utama di Asia termasuk tamadun Islam, Hindu dan China agar pelajarinya dapat menghargai nilai agama yang murni, memahami pencapaian dan kemajuan dalam membentuk satu tamadun yang hebat dalam bidang sains teknologi, astronomi, kimia serta fizik perubatan. Beliau antara lain menyatakan:

Dengan memahami nilai-nilai murni setiap agama, kita dapat mengikis sebarang rasa prejudis terhadap penganut agama yang lain dan sekali gus saya yakin kita dapat meningkatkan persefahaman serta mengukuhkan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini. Bagi kita yang hidup dalam sebuah masyarakat majmuk, cabaran besar yang kita hadapi dari dahulu sehingga kini ialah bagaimana untuk menjadikan pendidikan sebagai satu wahana perpaduan antara masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Murid-murid yang dididik daripada latar belakang, kaum dan agama yang berbeza perlu dibimbing supaya mereka menghormati adat resam, budaya dan agama yang dianuti semua, ([www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)).

Selain dari TITAS, Kenegaraan Malaysia yang juga berbentuk *nation building*. Ia merupakan satu lagi subjek yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan juga merupakan langkah tepat dan sesuai dengan konsep universiti sebagai pembekal ilmu untuk membentuk hati budi pelajar di samping subjek lain seperti TITAS dan hubungan etnik (Faridah Che Husain, Fakhruladabi Abdul Kadir, 2012). Subjek Kenegaraan Malaysia merupakan kursus yang berkaitan rapat dengan jati diri dan semangat cintakan negara. Ini termasuk memahami asal-usul, sejarah dan sistem kerajaan negara ini. Kita akan menyelusuri sejarah Tanah Melayu, sehinggalah bertukar menjadi Malaysia, seperti adanya hari ini. Matlamat utama kursus Kenegaraan Malaysia adalah untuk melahirkan rakyat yang setia dan cinta kepada negara, berwawasan, bangga sebagai rakyat Malaysia. Dengan harapan, akan lahir rakyat Malaysia yang mampu menghadapi cabaran ke arah mencapai kesejahteraan hidup serta dapat menghayati peranan Malaysia di arena antarabangsa, menumpahkan taat setia tanpa berbelah bahagi (Faridah Che Husain, Fakhruladabi Abdul Kadir, 2012).

Selain itu, liputan kuliah turut melibatkan perbincangan topik-topik penting. Antaranya adalah zaman prasejarah Malaysia, kehebatan Tanah Melayu sebelum penjajahan, zaman penjajahan, kebangkitan nasionalisme, kebangkitan pejuang Melayu menentang penjajah, perjuangan ke arah kemerdekaan, demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, sistem dan struktur pentadbiran negara, unsur-unsur penting Perlembagaan, dasar-dasar kerajaan dan cabaran dan sebagainya, mengikut kesesuaian. Antara objektif yang ingin melalui subjek ini ialah:

- i. Memahami sejarah bangsa dan negara serta perkembangan masyarakat dari aspek sosio-budaya, politik dan ekonomi.

- ii. Mempertingkatkan kesedaran, kepakaran dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan undang-undang dan menyumbang ke arah pembangunan negara.
- iii. Menghargai usaha dan sumbangan ke arah pembangunan negara.
- iv. Menghargai keperibadian bangsa dan berbangga menjadi rakyat Malaysia

Subjek ini amat penting dalam untuk melahirkan rakyat yang patriotik, taat setia dan cintakan negara serta tidak belot. Mereka sanggup mempertahankan negara habis-habisan sehingga ke titisan darah yang terakhir ([www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 2017).

Namun, politik yang bercorakkan etnisiti yang diamalkan oleh zaman pasca penjajahan masih lagi diamalkan sehingga kini. Politik sedemikian menebalkan lagi sentimen perkauman kerana perbezaan antara rakyat berdasarkan ekniksiti semakin menonjol melalui cara governans Malaysia. Keadaan ini secara tidak langsung akan membawa tanggapan dalam kalangan rakyat pada hari ini bahawa mereka adalah berbeza antara satu sama lain. Demi mencari jalan untuk memupuk kembali perpaduan dalam kalangan rakyat, kerajaan memperkenalkan sebuah modul mata pelajaran yang wajib diajar di semua Institut Pengajian Tinggi Awam. Mata pelajaran ini dikenali sebagai Modul Hubungan Etnik dan mula diajar di peringkat IPTA pada tahun 2007. Kerajaan telah mencadangkan idea pengajaran mata pelajaran Hubungan Etnik ini pada tahun 2004 buat pertama kalinya dan telah mengambil masa tiga tahun untuk modul mata pelajaran ini disiapkan. Pada sesi kemasukan IPTA 2007-2008, mata pelajaran ini telah diajar pada seluruh IPTA. Menurut Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin selaku Ketua Editor untuk modul ini (Sathia Murthy, 2017), “ penghasilan modul ini bukan sesuatu yang mudah dan modul ini dihasilkan melalui peringkat demi peringkat. Seperti yang disebut tadi, penghasilannya telah mengambil masa selama tiga tahun dengan titisan peluh dan komitmen pelbagai pihak dan persetujuan di peringkat Kabinet .”

Dalam semua sistem pendidikan di seluruh dunia, unsur-unsur patriotisme dan nasionalisme telah digunakan samada secara khusus atau menyeberangi kurikulum. Perkara ini perlu ditangani untuk menyediakan pendekatan baru untuk Pendidikan Malaysia Kenegaraan (Rohani, et al, 2012). Dalam erti kata lain, pendekatan dalam Pembelajaran & Pengajaran (P & P) juga perlu untuk nilai baru ditambah untuk bangkit semangat terhadap kursus-kursus yang berkaitan dengan mata pelajaran sejarah atau mana-mana kursus lain dalam bentuk pembangunan kenegaraan. (Rodzi, 2009).

## **Kesimpulan**

Matlamat sistem pendidikan di IPT bertujuan melahirkan tenaga kerja profesional dan mahir yang berpakej lengkap iaitu berpengetahuan tinggi, berketerampilan dan mencintai negara dan bangsa mereka. Secara keseluruhannya, bagi mempercepatkan pembinaan negara bangsa, sistem pendidikan perlu memainkan peranan yang besar dalam menerapkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia melalui kurikulum yang disediakan. Sebagai pembekal kepada tenaga profesional negara, IPT dilihat sebagai tempat yang paling sesuai bagi melahirkan generasi muda profesional yang mempunyai kesedaran bernegara dan berjiwa Malaysia yang tinggi. Matlamat ini boleh dicapai melalui pemeraksanaan kurikulum yang sedia ada dengan pendekatan P&P yang lebih terkini sesuai dengan aliran minat Generasi Y.

## **Rujukan**

Abd. Rashid bin Abdul Halim @ Jaafar, “Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam : Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Jurusan Kejuruteraan Teknologi Di

- Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institute”,  
<https://worldconferences.net/proceedings/icasic2015/full%20paper/IC%20316%20PENGAJARAN%20DAN%20PEMBELAJARAN%20KURSUS%20TAMADUN%20ISLAM%20-%20ABD%20RASHID%20ABD%20HALIM.pdf>. Akses pada 22/6/2017.
- Bolton, et al, (2013). Understanding Generation Y and their use of social media: a review and research agenda. *Journal of Service Management*, 24 (3), pp. 245-267,  
[https://dspace.lboro.ac.uk/dspace-jspui/bitstream/2134/13896/3/Understanding%20Generation%20Y%20and%20Their%20Use%20of%20Social%20Media\\_A%20Review%20and%20Research%20Agenda.pdf](https://dspace.lboro.ac.uk/dspace-jspui/bitstream/2134/13896/3/Understanding%20Generation%20Y%20and%20Their%20Use%20of%20Social%20Media_A%20Review%20and%20Research%20Agenda.pdf)) Akses pada 14/6/2015.
- Covan, M. (2000). Patriotism is not enough, *British Journal of Political Science*, 30(3). Pp. 413-432.
- Doob, L.W. (1986). Cypriot Patriotism and Nationalism. *Journal of Conflict Resolution*, 30(2), 383-396.
- Faridah Che Husain, Fakhroladabi Abdul Kadir, Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (Titas) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Malaysia, [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/17036/2.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/17036/2.pdf) . Akses pada 23/9/2017.
- George Lim Shyun Jen & Lee Yok Fee, (2011). Penggunaan Konsep Generasi Y di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Volume 4: 2011. Pp. 20-32.
- Goldgehn, L.A. (2004). Generation Who, What, Y? What You Need to Know About Generation Y, *International Journal of Educational Advancement*. Pp. 24–34  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130711/re\\_01/Kenegaraan-asas-patriotisme#ixzz41rQVJWVe](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130711/re_01/Kenegaraan-asas-patriotisme#ixzz41rQVJWVe). Akses pada 22/9/2017.  
<http://www.themalaymailonline.com/what-you-think/article/jadikan-titas-sebagai-platform-memahami-agama-islam-mohammad-syazwannu#sthash.vS26WaUM.dpuf>. Akses pada 22/6/2017.
- Indikator\_ Pengajian\_ Tinggi\_ Malaysia 2013. (2013). Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.  
[http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/Indikator\\_Pengajian\\_Tinggi\\_Malaysia\\_2013.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/Indikator_Pengajian_Tinggi_Malaysia_2013.pdf). Accessed on 14/6/2015.
- Kassim Ahmad. (1986). Masalah perpaduan bangsa dan rakyat di Malaysia. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 14, 111-130.
- Komen Bernas Dari TPM <http://www.sinarharian.com.my/nasional/tpm-titas-bukan-mengislamkan-pelajar-bukan-islam-1.184103>. Akses pada 21/7/2017.
- “Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan (Mtt2353) Keterjaminan Institusi Pendidikan Tinggi Dalam Negara Berbanding Dengan Luar Negara”. (2017). <http://sarjana.tripod.com/jamin1.html>. Akses pada 4/10/2017.
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor (2009), Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Mahasiswa bukan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Lembah Kelang, *AKADEMIKA*, 75 (Januari-April); 2009: Pp. 85-100
- Lancaster, L & David Stillman, (2002). When Generation Collide Wo They Are Why They Clash, How To Solve the Generational Puzzle at Work, Harper Collins e-books.; doi: 10.1057/palgrave.ijea.2140202. Akses pada 15/6/2015.
- Malaysian Education Blueprint 2015-2025 (Higher Institutions). (2015), Kementerian Pendidikan Malaysia.  
<http://hes.moe.gov.my/event/docs/4.%20Executive%20Summary%20PPPM%202015-2025.pdf>. Akses pada 15/6/2015.

- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). "Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Jabatan Sejarah UKM (JEBAT)*. Pusat Pengajian Sejarah, Sains Politik dan Strategi, UKM. Pp. 90-106.
- Mohammad Syazwannuddin Shahrudin "Jadikan TITAS sebagai platform memahami agama Islam" <https://l.facebook.com/l.php?u=http%3A%2F%2Fwww.pkpim.org.my>. Akses pada 20/8/2017.
- Rohani Hj. Ab Ghani et al, (2011). "Tracer Study on National Service Trainees (PLKN): The Analysis Towards Implication of Module and Training Among ex-Trainee in UUM". University Research Grant, Research and Innovation Centre Management. Sintok: UUM.
- Sathia Murthy , "Hubungan Etnik perlu dijadikan subjek wajib di sekolah" 27 SEPTEMBER 2012, <http://www.sinarharian.com.my/rencana/hubungan-etnik-perlu-dijadikan-subjek-wajib-di-sekolah-1.89188>. Akses pada 22/7/2017.
- Sharom Ahmat. (1980). Nation building and the university in developing countries: the case of Malaysia. *Higher Education*, 9(6), 721-741.
- Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). (2013). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi, 30 Ogos.
- Tan Chee Beng. (1984). Mencari asas perpaduan untuk masyarakat Malaysia. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 12, 29-37.
- Tapscott (1998). *Growing Up Digital: The Rise of Net Generation*. New York: Mc Graw Hill.
- Yin, Robert, K. (1984). *Case Study Research Design and Methods*. New York: Sage Publications.